

13 SEP 2003

PERDANA MENTERI LAWAT PAMERAN KL INTERNATIONAL MOTORSHOW

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Pameran Motor Antarabangsa KL di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perdana Menteri tiba kira-kira pukul 2.30 petang selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di Menara Datuk Onn.

Beliau meluangkan masa selama sejam melihat pameran pelbagai jenis kenderaan terbaru yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan dan syarikat automotif antarabangsa.

Orang ramai yang mengunjungi pameran itu tidak melepaskan peluang untuk bergambar dan bersalaman dengan Dr Mahathir yang sentiasa dikerumuni sebaik sahaja kehadiran beliau diumumkan oleh pihak penganjur melalui alat pembesar suara.

Pameran itu bermula 5 Sept lepas dan akan berakhir esok.

-- BERNAMA

AT MFJ ROS